



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 24 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NASHIR TERNAK KELULUT KELILING RUMAH, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	SOP IBADAH KORBAN DI JOHOR BERKESAN, LOKAL, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4. 5.	APMM TAHAN BOT BERSAMA 4 NELAYAN WARGA MYANMAR, LOKAL, HM -18 A SEA OF TROUBLES, MUKA DEPAN, THE STAR -1 A WAY OF LIFE THREATENED, LIVING, THE STAR -2 & 3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	MAQIS SEIZES OVER RM100,000 WORTH OF ORNAMENTAL PLANTS AT PASIR GUDANG, THE STAR -ONLINE MAQIS RAMPAS 59,600 ANAK POKOK HIASAN DARI CHINA, MAHKAMAH, SH -21 MAQIS RAMPAS 59,600 ANAK POKOK HIASAN, LOKAL, HM -19 MAQIS KEDAH RAMPAS HAMPIR 10 TAN DRUM WOOD, NEGERI KEDAH, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10.	LPP SALUR BAKUL MAKANAN BARISAN HADAPAN, KOMUNITI KITA, UM -34	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11. 12.	WARGA KAMPUNG MENTERI TERIMA SUMBANGAN HASIL PERTANIAN, BERITA.PAS.ORANG, -ONLINE BUKIT BARU PPR RESIDENTS UNVEILS HEALTH FOOD CAMPAIGN, SIN CHEW DAILY (MELAKA) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	PAM PERKASAKAN GOLONGAN MUDA, NASIONAL, SH -6 & 7	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
14. 15. 16. 17. 18.	IKAN SELAYANG 20 SEN SEEKOR, LOKAL, HM -18 JUAL IKAN 20 SEN SEEKOR BANU RINGAN BEBAN, NASIONAL, BH -26 BERTEKAD UBAH LANDSKAP PERTANIAN, WANITA & KELUARGA, BH -34 MURKY OUTLOOK FOR RICE FARMERS, MUKA DEPAN, THE STAR -1 NGO: SUNGAI PERAK NOT IN GOOD SHAPE, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	SINAR HARIAN	WARNA-WARNI KEHIDUPAN	18

Nashir ternak kelulut keliling rumah

FOTO: BERHAMA

Bermula dengan hobi, kini menjadi sumber pendapatan sampingan

KOTA BHARU

Bermula sekadar hobi menjadikan lima log kelulut sebagai hiasan di sekeliling rumah, seorang pesara kerajaan kini mampu tersenyum lebar apabila usahanya dalam memelihara kelulut kini menjadi sumber pendapatan sampingan.

Mohd Nashir Yaacob, 62, berkata, dalam tempoh pandemik Covid-19, permintaan madu kelulutnya itu semakin meningkat kerana khasiat dimiliki seperti mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi.

Ditemui di rumahnya di Kampung Che Arus, Kok Lanas, di sini pada Isnin, Mohd Nashir berkata, beliau mengadaptasi kemahiran yang dimiliki sebagai pengajar peserta kursus penternakan lebah kelulut ketika bertugas di Jabatan Pertanian Negeri Kelantan untuk mencipta taman hijau di sekeliling rumahnya selepas bersara pada 2012.

"Jumlah log kelulut saya pernah mencecah 300, namun kini hanya tinggal 50 berikutan ada yang berminat membelinya," katanya.

Bercerita lanjut, Mohd Nashir yang mesra disapa sebagai Pok Sir berkata, usaha secara santai dan niat mahu berbaik dengan alam semulajadi di sekeliling rumah itu turut menjadi terapi dirinya dalam tempoh seketan pergerakan ketika ini.

"Kerja-kerja menyedut madu



Pada mulanya memelihara kelulut hanya menjadi hobi tapi kini menjadi sumber pendapatan sampingan Mohd Nashir.

kelulut dilakukan setiap dua atau tiga minggu sekali dengan purata tuai setiap log kelulut itu antara 700 hingga 800 gram. Madu yang dituai kemudiannya akan dimasukkan ke dalam botol untuk dijual kepada pelanggan secara runcit atau borong.

"Dalam masa sama, saya juga memprosesnya menjadi produk sabun berasaskan madu kelulut yang turut mendapat permintaan tinggi," katanya yang memiliki lima anak.

Ditanya rahsia mampu terus aktif dalam penternakan madu kelulut, Mohd Nashir mem-

beritahu, perkara utama ialah kesesuaian kawasan dan penjagaan terutamanya sumber makanan bagi keselesaan lebah kelulut menghasilkan banyak madu serta berkhasiat.

"Di sekitar kawasan rumah ini, saya pastikan ada pokok-pokok yang disukai oleh lebah kelulut seperti bunga kelapa, bunga jambu, bunga rambutan dan bunga akasia kerana kualiti madu pula ditentukan oleh jumlah bunga yang dikunjungi oleh seekor lebah kelulut," katanya mendapat sokongan isteri, Ramlah Salim, 62. - *Berhama*



Mohd Nashir menunjukkan sarang kelulut yang diternak di sekeliling rumahnya di Kampung Che Arus, Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	11

Iskandar Puteri: Tiada kluster membabitkan ibadah korban dilaporkan di negeri ini sepanjang Aidil-adha lalu, sekali gus menunjukkan prosedur operasi standard (SOP) korban ditetapkan berkesan mengekang penularan wabak Covid-19 di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor, Tosrin Javanthi berkata, SOP ibadah korban terbabit dirangka dengan mengambil kira pandangan Jabatan Kesihatan Negeri, Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan mendapat perkenan Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

"Ibadah korban pada tahun ini berjaya dilaksanakan dengan 6,037 ekor haiwan ibadah korban disembelih di 164 pusat sembelihan yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan

SOP ibadah korban di Johor berkesan

Veterinar.

"Proses sembelihan, melapah, memotong dan membungkus daging dilakukan di pusat sembelihan. Jawatankuasa masjid dan surau serta penganjur ibadah korban akan terus mengedar daging yang siap dibungkus kepada mereka yang layak menerima agihan daging korban," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Najib Lep (Pas - Bukit Pasir) berhubung SOP sembelihan korban pada Hari Raya Korban pada sesi soalan lisan pada Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor ke-14 di sini, semalam.

Tosrin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(Adun) Bukit Permai berkata, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) meninjau sebanyak 30 pusat sembelihan di negeri ini bermula 10 hingga 22 Julai lalu bagi memastikan semua SOP ibadah korban dipatuhi.

Katanya, pusat sembelihan yang dilawati itu terletak di Kulai, Gelang Patah, Johor Bahru, Ulu Tiram, Pontian dan Kota Tinggi.

"Bagi memastikan pusat sembelihan patuh SOP ibadah korban sepenuhnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain JAINJ melakukan pemantauan sebelum dan selepas ibadah korban dilaksanakan," katanya.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Kuantan

Sebanyak 165 kilogram ikan selayang segar yang dijual dengan harga 20 sen seekor habis dalam masa kira-kira sejam di program jualan amal Dapur Infaq Ummah di sini, kelmarin.

Program jualan amal itu dikhususkan untuk golongan yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Setiausaha

Dapur Infaq

Ummah, Zahir

Shah Zahid

berkata, satu

keluarga

hanya boleh

membeli

seki-

logram ikan

ber-

kenaan

dengan

harga RM5

sahaja.

Menurutnya,

sambutan

terhadap jualan

amal itu

begitu

menggalakkan,

hanya

dalam

masa

kira-kira

sejam

sahaja

satu

tong

ikan

selayang

yang

dibe-

kalkan

nelayan

tempatan

habis

dijual.

Katanya,

ini

kali

pertama

pihaknya

mengadakan

program

jualan

amal

ikan

segar

bertujuan

membantu

meringankan

beban

golongan

memerlukan

yang

terkesan

berikutan

PKP

yang

berlarutan.

"Sebelum

ini

Dapur

Infaq

Ummah

mengadakan

jualan



IKAN selayang dibekalkan nelayan tempatan habis dijual. Gambar kecil, Zahir Shah (dua dari kiri) membantu menjual 165 kilogram ikan selayang segar dengan harga 20 sen seekor pada program jualan amal oleh Dapur Infaq Ummah.

Ikan selayang 20 sen seekor

Sebanyak 165 kilogram habis dalam masa sejam

naan PKP 3.0," katanya.

Zahir berkata, aktiviti jualan bermula jam 9.30 pagi namun setengah jam sebelum itu sudah ramai sudah beratur mengikut prosedur operasi standard (SOP) penjarakan fizikal yang dipantau petugas.

Katanya, Dapur Infaq Ummah turut memberi sumbangan keperluan asas

kepada 100 golongan miskin bandar di daerah ini menerusi program food bank.

"Setiap hari kita turut menyediakan makan tengah hari dan malam kepada lebih 150 komuniti Lorong Wong Ah Jang yang turut terkesan dengan PKP 3.0.

"Kita juga mempelawa

mana-mana pihak yang bermurah hati untuk memberi sumbangan bagi mengisi dana untuk membantu golongan memerlukan, selain kerajaan negeri dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) turut menghulurkan sumbangan beberapa pihak lain," katanya.

APMM tahan bot bersama 4 nelayan warga Myanmar



BOT nelayan tempatan bersama empat kru warga Myanmar yang ditahan di kedudukan 4.4 batu nautika barat daya perairan Pulau Buloh di Lumut, kelmarin.

Lumut: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan bot nelayan tempatan bersama empat kru warga Myanmar dan merampas 400 kilogram ikan di kedudukan 4.4 batu nautika barat daya perairan Pulau Buloh di sini, kelmarin.

Pengarah APMM Perak Kapten Maritim Shahrizan Ramon berkata, pihaknya menahan bot kelas B berkenaan jam 6.45 petang kerana melanggar syarat sah lesen.

Menurutnya, bot berkenaan dikendalikan empat kru warga Myanmar berusia 21 hingga 49 tahun yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Ketika ditahan, bot sedang melakukan aktiviti perikanan menggunakan pukuk tunda dan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu menaangkap ikan kurang daripada 5 batu nautika se-



Ketika ditahan, bot sedang melakukan aktiviti perikanan menggunakan pukuk tunda dan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan kurang daripada 5 batu nautika seperti kebenaran syarat sah lesen serta Akta Imigresen 1959/63"

Shahrizan Ramon

perti kebenaran syarat sah lesen serta Akta Imigresen 1959/63.

"Bot bersama kru dan hasil tangkapan dibawa ke Pusat Tahanan Vesel (PTV) Kampung Bharu untuk tindakan lanjut," katanya.

A sea of troubles

Malaysia's coastal fisher folk are facing desperate times.

By ALIZA SHAH &
JOHENSON GOH
lifestyle@thestar.com.my

ARREST, robbery, vessel seizure – these are just some of the risks that Malaysia's coastal fishermen must deal with to make a living now that they are forced to travel further offshore to catch fish.

Maritime and environmental experts blame years of overfishing, destructive fishing practices and poaching by foreign fishermen for the precipitous decline of fish stocks in Malaysia's coastal waters, and even the disappearance of some fish species.

A study conducted by the

Fisheries Department in 2016 found that there is just 4.4% of fish biomass left in the waters off the coast of Peninsular Malaysia – an amount that the department predicts will only last another 30 years.

RAGE, *The Star's* investigative team, spoke to fishermen earlier this year in Kuantan and Johor about the problems they face.

A trip with no return

Veteran fisher Rosilawati Ismail, 44, was happy to go out fishing again with her husband off the coast of Kuantan earlier this year after a long break necessitated by the monsoon season.


But after hours spent at sea, the couple came back disappointed.

"We spent RM120 (on fuel) to go out there but we came back with a catch worth about RM45 – we didn't even cover our costs," she says.

Rosilawati has been fishing for about 14 years but nowadays, she says, fishermen more often than not come back empty-handed.

Add the Covid-19 pandemic's effect on the economy to the lack of fish and the financial struggle is immense, especially as Rosilawati's husband died from cancer last month.

> TURN TO PAGE 2



Malaysian coastal fisher folk are struggling to survive because fish stocks have been depleted by illegal, unregulated and unreported fishing. — ALIZA SHAH & JOHENSON GOH

> FROM PAGE 1

While the economic impact on her community is clearly a concern, Roslawati is equally alarmed by the longer-term environmental impact of illegal, unregulated and unreported (IUU) fishing in the South China Sea. She believes the rapid depletion of fish stocks is due to IUU fishers – especially foreign vessels that enter Malaysian waters. They destroy coral reefs using illegal trawler nets, which Malaysian fisher folk call "pukat gading".

"They use two vessels and a huge net is tied to a vessel on each side," she explains. "As they move, they will catch everything, even the smallest fish, and destroy anything in their way, including corals."

"Without corals, the seabed becomes bare. It's like a desert – what would you want to live in a desert?"

While some Malaysian fishermen and women share stories of simpler times when they would occasionally meet fisher folk from neighbouring countries out at sea and exchange pleasantries, it seems the mood is becoming increasingly confrontational – a reflection of geopolitical tensions among the countries in this region, fuelled by disputes over maritime territories.

Roslawati, for example, recalls the time her nets were once rammed by a large trawler that was in the area illegally, costing her RM2,000 in losses.

Ibrahim Ismail, 55, is in the same predicament. A recent fishing trip off Kuantan's coast saw him return with only two senangin (striped threadfin) fish.

"In the past, I could earn RM700 to RM800 from catching senangin, now it's hard for me to even catch 10 fish per trip," he says.

These problems are not confined to the East Coast.

In Pontian, Johor, RAGE meets with Mohd Zuhri Larasah, 49, just after he received his payment from a tauke (businessman) who helps to sell his catch at a local market.

"This is from yesterday's catch. I got RM108 and if you minus RM50 for diesel and maybe RM50 or RM60 for my bait, I'm left with nothing," he says, showing us his receipt.

Another seasoned fisherman in the area, Abd Aziz Rahmat, 52, says fishermen there are earning less than 10% of what they earned a few years ago.

"In the past, we could earn a net profit of about RM3,000 to RM4,000 a month, but now even RM300 is difficult for us to get," he says.

Poaching and destructive fishing methods

Near-shore habitats serve as nurseries for fish, replenishing fish populations. Tragically, over the years these habitats have been destroyed by destructive fishing methods.

Part-time fisherman Mazlin Rahmat, 42, from Pontian, explains: "Some fishermen use the tagan net, which is a type of static net. When that gets stuck on corals, the corals will break or sometimes even get pulled right out of the seabed."

A way of life threatened



A fish stall at Pasar Pontian. With fish becoming scarce, prices have increased for some types of fish. — Photos: ALIZA SHAH & JOHNSON GOH



Apart from the loss of income due to depleted fish stocks, Roslawati is alarmed by the longer-term environmental impact of illegal, unregulated and unreported fishing in the South China Sea.



Abd Aziz says fishermen in Pontian are earning less than 10% of what they used to. In the past, we could earn a net profit of about RM3,000 to RM4,000 a month, but now even RM300 is difficult for us to get.

"This type of net is illegal under the Fisheries Act 1985," he says.

The ecosystem is further destroyed when fishermen use illegal trawler nets that trap not only adult fish but also the fry. Without fry to mature and breed, there is no way to sustain fish populations.

According to Abd Aziz, "Trawler nets should have a 15cm mesh but some have been reduced to just 6cm because they simply can't catch the bigger fish anymore."

"But when they do that, now even the smaller fish become trapped in the nets."

Adding to the problem is competition from IUU foreign fishing boats. Over 10,000 fishermen have been arrested by the Malaysian

Maritime Enforcement Agency (MMEA) for encroachment between 2006 and 2019.

"Our waters feel barren ever since we started seeing Vietnamese fishing boats in our waters. They enter into areas that are supposed to be only for coastal fishermen and damage the coral reefs. When this happens, the fish will no longer return," Roslawati reiterates.

Coastal habitat loss has forced marine life to move into deeper waters, affecting the livelihood of coastal fishermen whose licenses and fishing tools only allow them to fish within 46km off the coast.

"In the past I would travel about

8km and I could get kembong (Indian mackerel), kerisi (golden threadfin bream) and selar (yellowtail scad), now I have no choice but to go at least 40km out to sea to come back with something," Roslawati says.

As for deep-sea fishermen, even though they are still making money on their trips, fishing further out isn't as easy as it used to be either, says Zulkifli Dagang, 44, from Kuantan.

"There's not much difference between what we are catching now and what we caught then, it's just that now we have to work harder."

"For example, in the past we might catch a certain amount of

fish with the first throw of the net, now we have to do it two or three times to get the same amount of fish as before," says Zulkifli, who travels for days to catch fish in the deep-sea zone.

A risk they're willing to take

Some desperate Malaysian fishermen now venture into foreign waters to make their catch. Pontian fishermen often end up beyond Malaysia's waters because the Indonesian maritime border is so close there.

"I have no choice but to enter Indonesian waters almost every day. This is the only way for me to survive."





Zaini was unlucky enough to have his catch worth RM600 confiscated when he was stopped and boarded by Indonesian authorities.



Mazlin: Fishermen using illegal nets, such as tagan or static nets, can damage corals or even pull them out of the seabed, thus damaging fish spawning habitats.

Jamaluddin explains that as the distance between Malaysia and Indonesia is narrower off the coast of Pontian, fishermen following fish trails will sometimes stray into Indonesian waters.



Mohd Zuhir couldn't cover his costs with a recent fishing trip he made. The fuel and bait added up to more than the RM108 (receipt inset) he received from selling his catch to a local businessman.



Deep sea fishing is harder now, says Zulkifli. "In the past we might catch a certain amount of fish with the first throw of the net, now we have to do it two or three times to get the same amount of fish as before."

"Their coral reefs are very much alive so fish will surely be there," Mohd Zuhir says.

Adding to the problem is the fact that the exact maritime border between Malaysia and Indonesia isn't always clear.

Countries in the region have been deadlocked over maritime territorial disputes for years — and the people who have to live with the fallout from uncertain borders are often the fisher folk.

Jamaluddin Mohamad Bualik, 52, had an anxious moment when he was arrested by Indonesian authorities last October.

"The distance between Malaysia and Indonesia is narrower here in Pontian, so fishermen following fish trails will sometimes stray into Indonesian waters.

"But that time, I was sure I was still inside Malaysian waters when the Indonesian authorities arrested me. I was pulled further into their waters and interrogated.

"Luckily I was then released," he recounts.

Officers from the MMEA confirm such incidents. However, when contacted, the Indonesian consulate in Johor said they aren't aware of such incidents, adding that under normal circumstances the Indonesian authorities will inform their respective Malaysian counterparts of such arrests and vice-versa.

"Either the Malaysian embassy will contact the Indonesian Foreign Ministry or the Malaysian Mari-

time Enforcement Agency will contact us," a spokesperson says.

RAGE finds out about another supposed intimidation tactic by foreign authorities: "Last year some fishermen were forced to stop their boat and pull back their nets while they were catching fish near Pulau Pisang (off Johor)," a source says.

This incident, along with some others, including Jamaluddin's experience, could simply be one of the "unofficial" encounters between Malaysian fishermen and Indonesian authorities that are not reported.

Abd Aziz, who is a friend of Jamaluddin's, says he has been arrested multiple times and while he does worry about his safety, he believes there isn't much else he can do.

"We leave everything in God's hands. I was stopped by Indonesian authorities multiple times but they don't act aggressively. Normally they will just chase me out," he says.

Another friend, Zaini Ali, 40, however, was not so lucky.

"When I was stopped they took away my catch. It was about 15kg of fish, worth about RM600," says the fisherman, adding that he believes he was still in Malaysian waters when this happened in October 2020.

The three men also share stories of out and out robbery when fishermen are targeted reportedly by sea-robbers.

Fishing culture dying out?

While fish is becoming more scarce, consumer demand for seafood is not getting any lower. This has resulted in a huge increase in the price of certain sought after types of seafood.

"Ten years ago senangin, for example, cost about RM18 or RM19 per kdn, but now it will sell for about RM30 per kg," says Mazlin.

Despite this potential to earn more, depleted populations mean making even a small catch is a challenge.

"I went fishing for three days. The first two days I came back with nothing. On the third day I got three red snappers which earned me about RM1,000," Mazlin says.

Struggling to sustain their livelihoods with fishing, some coastal fishermen are venturing into ecotourism.

They have found that they can supplement their income by taking amateur fishing enthusiasts out on their boats to experience sea fishing.

"I've emptied my pockets but luckily I received a booking from some people who wanted to go out fishing."

"What's even luckier is that our tauke was willing to put up the money for diesel upfront and allow me to pay it back later, otherwise I wouldn't have been able to accept these customers," says Mazlin.

Rasid Md Said, 51, who also lives in Pontian, is tapping his creative




Rasid supplements his income from fishing by making sea-themed handicraft, such as this bamboo model ship.

side and designing bamboo ships and other ocean-themed handicraft for sale as a means to supplement his income nowadays.

"I once sold pisang goreng but when the competition became too much I had to stop. So now I try my luck selling handicraft, both physically and online."

This story was produced by The Star's investigative team R.A.G.E. under Oceans Inc, a crossborder investigative project by the Environmental Reporting Collective on illegal, unregulated, and unreported fishing. Read the full investigation into regional fisheries at www.oceansinc.earth.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	THE STAR	ONLINE	

Maqis seizes over RM100,000 worth of ornamental plants at Pasir Gudang



JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) here has detained a container from China at the Pasir Gudang Port here for carrying decorative plants worth more than RM100,000 without a permit.

Johor Maqis said in a statement that the department was conducting a routine inspection before noticing a container without a permit at about 4pm on Sunday (Aug 22).

"The inspection found 59,600 units of decorative plants with an estimated worth of RM119,200 that had been brought here without a valid import permit," said Maqis.

It added that the container contains various species of decorative plants such as cactus gymnocalycium, spathiphyllum wallisii, caladium, echeveria pinwheel, microsorum punctatum, asparagus racemosus, strobilanthes sinuate and adenium.

Maqis said in a statement here on Monday (Aug 23) that the case is being investigated under Section 11(1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728) which can be punished under Section 11(3) of the same Act.

The offence is punishable with a maximum fine of RM100,000 or jail term of not more than six years, or both upon conviction.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH	21

Maqis rampas 59,600 anak pokok hiasan dari China

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) Johor merampas 59,600 unit anak pokok tanaman hiasan bernilai kira-kira RM119,200 disyaki cuba diseludup dari China selepas menahan sebuah kontena di Pelabuhan Pasir Gudang pada Ahad.

Jabatan itu dalam kenyataannya berkata, pemeriksaan rutin pada jam 4 petang itu mendapati kontena terbabit membawa pelbagai spesies anak pokok ter-

masuk cactus *gymnocalycium*, *spathiphyllum wallisii*, *caladium*, *echeveria pinweel*, *microsorium punctatum*, *asparagus racemosus*, *strobilanthes sinuate* dan *adenium*.

“Kesemua anak pokok ini dirampas kerana tidak mempunyai permit import yang sah untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” kata kenyataan itu pada Isnin. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

Maqis rampas 59,600 anak pokok hiasan

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan cubaan membawa masuk 59,600 anak pokok hiasan dari China di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, kelmarin.

Jurucakap Maqis berkata, hasil pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa Maqis jam 4 petang kelmarin menemukan pel-

bagai spesies anak pokok tanaman hiasan di sebuah kontena.

Beliau berkata, anak pokok berkenaan termasuk *cactus gymnocalycium*, *spathiphyllum wallisii*, *caladium*, *echeveria pinweel*, *microsorium punctatum*, *asparagus racemosus*, *strobilanthes sinuate* dan *adenium* bernilai RM119,200.

Katanya, siasatan awal

mendapati barangan berkenaan cuba dibawa masuk tanpa permit import yang sah.

“Semua barangan berkenaan dirampas bagi tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang di-

keluarkan mengikut akta ini dan jika disabitkan, kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000.00 atau penjarakan tempoh tidak melebihi tujuh tahun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	26

Maqis Kedah rampas hampir 10 tan drum wood.

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk kayu jenis *drum wood* seberat hampir 10 tan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini pada Rabu.

Maqis Kedah berkata, pihaknya berjaya menahan sebuah kontena yang membawa *drum wood* dari negara Thailand untuk tindakan lanjut dalam pemeriksaan kira-kira jam 5.15 petang.

"Hasil pemeriksaan mendapati 9,829 kilogram (kg) kayu yang cuba dibawa masuk berkenaan tidak mempunyai permit import yang sah daripada Maqis dan juga sijil fitosanitasi daripada negara asal.

"Kesemua *drum wood* yang dianggarkan bernilai RM9,138.42 tersebut ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut kenyataan itu, perbuatan mengimport ke luaran pertanian tanpa per-

mit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) di bawah akta sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau

kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa memantau dan memeriksa keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar," jelas kenyataan itu lagi.



Maqis Kedah merampas hampir 10 tan *drum wood* di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	34

LPP salur bakul makanan barisan hadapan

LEMBAGA Pertubuhan Peladang (LPP) menyalurkan sebanyak 170 bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjung Karang, Selangor, semalam.

Sumbangan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Prihatin itu berupa barangan keperluan asas seperti ayam, beras, telur dan tepung.

* Pengagihan kepada anggota keselamatan dan petugas kesihatan itu disempurnakan Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim yang melakukan lawatan kerja di PPV berkenaan.

Menurutnya, lawatan itu bertujuan meninjau pelaksanaan

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di IPP berkenaan yang dijadualkan tamat beroperasi pada Ahad ini.

■ AZULITA Salim (tengah) menyerahkan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di PPV IPP Tanjung Karang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED



Warga Kampung Menteri terima sumbangan hasil pertanian



BUKIT GANTANG, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNNP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menghulurkan sumbangan hasil pertanian kepada penduduk Kampung Menteri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Sumbangan disampaikan Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Haji Razman Zakaria di Pusat Operasi PKPD Kampung Menteri, Matang di sini, semalam.



Razman berkata, "Sumbangan hasil pertanian iaitu 3000 tongkol jagung, 300 biji limau bali dan 300 biji rock melon merupakan sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR) agensi-agensi pertanian negeri."

"Kita terpenggil untuk menghulurkan sumbangan kepada penduduk kampung ini yang bukan sahaja berada dalam kesulitan akibat PKPD, malah mereka berhadapan pula dengan bencana banjir sejak awal minggu ini," tambahnya.



Turut hadir, Yang DiPertua PAS Kawasan Bukit Gantang, Muhammad Faisal Abdul Rahman, Timbalan YDP, Zulkefly Ahmed, Pegawai Daerah Larut Matang & Selama, Mohamed Akmal Dahalan dan Penghulu Mukim Matang, Nasharudin Nawi.

Razman turut meredah air dan menziarahi mangsa-mangsa banjir di beberapa kampung dalam Mukim Matang diiringi bersama Jabatan Amal Bukit Gantang.





24 AUG, 2021

Bukit Baru PPR residents unveils health food campaign

Sin Chew Daily (Melaka), Malaysia

Page 1 of 2

武吉峇汝組屋居民 推動健康食品運動

（馬六甲23日訊）武吉峇汝組屋居民主動展開“健康食品運動”，鼓勵居民食用健康營養高但價格便宜的食物，如玉米及黃梨，同時也促進本地農民的銷量。

有關活動也得到甲州巴哈伊宗社區的協助，並且邀請大馬聯邦農業銷售局（FAMA）愛極樂促銷中心的薩迪斯加入活動。

薩迪斯在文告中指出，我國玉米及黃梨生產主要是分布在南馬區，因此，如果人民提高食用這些農產品，就能夠提高該區的经济活動。有興趣者，可以直接到最近的大馬聯邦農業銷售局去選購這些農產品。

該組屋所推動的“健康食品運動”，也開放給武吉卡速區B40群體申請，有意者必須在8月24日前登記。

有興趣者可聯絡羅恩（Ron）：016-393 0280 或晨尼（Chenny）：018-259 8366 詢問詳情。



24 AUG, 2021

Bukit Baru PPR residents unveils health food campaign

Sin Chew Daily (Melaka), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

武吉峇汝組屋居民 推動健康食品運動(馬六甲23日訊)

武吉峇汝組屋居民主動展開“健康食品運動”，鼓勵居民食用健康營養高但價格便宜的食物，如玉米及黃梨，同時也促進本地農民的銷售。有關活動也得到甲州巴哈伊宗社區的協助，並且邀請大馬聯邦農業銷售局(FAMA)愛極樂促銷中心的薩迪斯加入活動。薩迪斯在文告中指出，我國玉米及黃梨生產主要是分布在南馬區，因此，如果人民提高食用這些農產品，就能夠提高該區的经济



6

NASIONAL

SELASA 24 Ogos 2021 • SINAR HARIAN

PAM perkasakan golongan muda

Perannan cili dengan menggunakan smart fertipati

Lahirkan ramai usahawan berjaya dalam merencanakan sektor pertanian negara

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS dan MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membantu lebih 7,571 usahawan muda dalam memajukan pelbagai projek agromakanan dalam negara sejak 2016.

Program tersebut khusus untuk menarik golongan belia yang berumur 18 hingga 40 tahun supaya menggalakkan mereka dalam menceburi bidang yang merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan dan industri pemakanan.

MAFI juga menawarkan tiga inisiatif menerusi PAM yang akan membantu usahawan muda termasuk dari sudut pemberian Geran Agropreneur Muda (GAM), pinjaman pembiayaan Agro-Yes melalui Agrobank dan latihan serta kursus teknikal.

GAM menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak muda memulakan projek pertanian terutama ketika negara dan dunia berhadapan dengan penularan pandemik Covid-19.

Sejak dilancarkan pada tahun 2016 sehingga kini, MAFI telah membantu seramai 7,406 usahawan Agropreneur Muda menerusi bantuan geran dan 165 melalui pinjaman pembiayaan.

Daripada program itu juga, PAM telah melahirkan beberapa ikon yang akan menjadi tempat rujukan golongan muda yang ingin menceburi bidang tersebut.

Ikon-ikon tersebut dipilih berdasarkan pencapaian dari sudut pendapatan, penambahbaikan inovasi dan juga pe-

nyediaan latihan kepada bakal usahawan muda.

Antara ikon yang menjadi pilihan, pengusaha tanaman cili, Norhashim Kamisan, 37, merupakan anak muda yang hanya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi berjaya meraih pendapatan RM4 juta setahun menerusi sektor pertanian.

Beliau telah menceburi PAM sejak tahun 2016 yang bermula pada skala kecil dan mengembangkan tanaman cili kepada skala yang lebih besar.

"PAM menyediakan beberapa inisiatif selain daripada geran. Usahawan diberikan pinjaman dengan kerjasama Agrobank yang dapat membantu usahawan ingin mengembangkan projek perniagaan mereka.

"Unit Agropreneur Muda di bawah MAFI juga memberikan galakan kepada usahawan-usahawan baru melalui seminar secara maya, pendedahan dan kaedah untuk menceburi dalam bidang industri pertanian," kata Norhashim kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Dalam pada itu, Norhashim berkata, ladang cili miliknya juga mempunyai elemen *Internet of Things* (IoT) yang merupakan sistem untuk mengawal 'semburan baja menggunakan teknologi secara automatik.

Jelasnya, dengan adanya sistem tersebut, ia dapat mengurangkan ketergantungan terhadap tenaga buruh asing yang kritikal ketika ini.

"Ini merupakan satu kaedah yang kami lakukan dengan menggunakan alat atau mesin sedia ada yang mempunyai penyambungan melalui internet.

"Mesin ini dikawal oleh telefon pintar selain turut dilengkapi dengan kamera litar tertutup untuk memantau ladang tanpa membatikan tenaga kerja yang ramai," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pendapatannya meningkat sehingga mencecah RM18,000 hingga RM32,000 seminggu sejak menyertai PAM.



Norhashim menunjukkan hasil tanaman cili yang diusahakannya.

Tambah Norhashim, dia juga turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat yang membantu memasarkan produk yang dihasilkan.

"Dalam tempoh pandemik ini, PPK dengan kerjasama Agropreneur Muda di bawah MAFI memang memberi kelebihan kepada petani yang ada di Malaysia," jelasnya.

Ramana usahawan jagung berjaya

Sementara itu, pengusaha jagung bijirin, Ramana K Naidu, 31, dipilih oleh MAFI sebagai ikon dan mendapat Geran *National Blue Ocean Strategies* atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan sebanyak RM15,000 dan juga Geran Agropreneur Muda sebanyak RM15,000.

Beliau yang juga Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Famos Plantation berkata, geran tersebut merupakan inisiatif kerajaan untuk membesarkan perniagaannya ke tahap yang lebih tinggi.

"Selepas enam bulan terima geran tersebut saya telah mendapat sokongan daripada MAFI untuk mendapatkan pembiayaan RM300,000 tanpa cagaran dengan kadar bunga yang rendah.

"Saya juga mendapat kerjasama yang cukup baik daripada Unit Agropreneur Muda, Kementerian dan Agrobank serta Jabatan Pertanian yang banyak membantu sehingga syarikat berjaya mencatatkan transaksi berjumlah RM10 juta hingga 15 juta setahun," katanya.

Selain itu, Ramana berkata, beliau juga turut mendapat peluang untuk belajar kursus dan latihan di luar negara se-



Ramana di ladang jagung miliknya.

perti di Thailand, Indonesia dan Jepun.

"Seramai enam usahawan ikon berpeluang pergi ke Jepun untuk mempelajari sistem IoT dalam bidang pertanian.

"Saya dibawa oleh mereka tanpa sebarang bayaran untuk belajar kaedah dan teknologi yang digunakan oleh Jepun kerana mereka sudah 30 tahun ke hadapan," ujarnya.

Ramana turut mendapat jaringan luas selepas menyertai PAM yang akhirnya dapat membantu meningkatkan pendapatannya.

"Kementerian menghebahkan mengenai kejayaan dan usahawan muda di laman media sosial. Tindakan ini telah berjaya menarik minat anak-anak muda terhadap pertanian terutamanya yang sedang mencari maklumat tersebut di platform Facebook dan Instagram.

SINAR HARIAN • SELASA 24 OGOS 2021

NASIONAL



Suhaidy di kawasan penternakan udang kara.

"Mereka banyak menghubungi kami dan bertanya, malah ramai yang telah menjadi 'mentee' saya.

"Saya mengamalkan konsep 'mentor mentee' dan apa yang saya kongsi ialah mengenai teknologi, dana kepada usahawan baru yang betul-betul berminat dan juga maklumat pertanian. Saya membeli hasil tanaman jagung bijan yang mereka usahakan," jelasnya.

Suhaidy bangun hab perikanan

Menurut Pengurus Pembangunan Perniagaan SMaju Agro Venture, Suhaidy Shuib, 36, yang turut dikategorikan sebagai ikon agropreneur muda bagi industri sektor perikanan berkata, PAM banyak memberikan bimbingan dan sokongan dalam mengembangkan perusahaannya.

Menurutnya, bantuan GAM yang diperolehinya telah digunakan untuk membangunkan hab pengumpulan serta tumpuan penternakan udang kara.

Suhaidy berkata, geran itu diperoleh daripada Jabatan Perikanan pada tahun 2019.

"Sebelum ini kami memelihara udang tetapi sejak tahun 2019 kami mendapat sokongan daripada Jabatan Perikanan untuk membangunkan hab pengumpulan serta tumpuan penternakan udang kara.

"Apa yang berlaku sekarang ini kami memfokuskan untuk mengumpul, merawat dan khaskan mengikut permintaan yang ada di pasaran.

"Ia sedikit berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh orang tengah yang akan mengambil dan terus hantar sahaja," katanya.

Suhaidy yang berasal daripada Kuala Lumpur itu berkata, GAM juga turut memberi bantuan membekalkan peralatan-peralatan penting untuk perusahaannya.

Di samping itu, Suhaidy yang juga mempunyai Diploma Pengurusan Perniagaan berkata, pihak PAM sentiasa menghubunginya bagi mengikuti perkembangan projek yang diusahakannya.

Tambahnya, setiap tahun pihak kementerian atau agensi yang berkaitan akan menyediakan pelbagai kursus alternatif kepada usahawan muda untuk menambahkan pengetahuan mereka.

"Antaranya ialah kursus teknikal berkaitan dengan penternakan dan kursus bukan teknikal yang berkaitan dengan pemasaran, teknik pemasaran dan konteks pengurusan.

"Selain itu, kementerian dan agensi juga banyak membantu saya dalam memahami dengan lebih jelas berkaitan dengan perusahaan itu sendiri," katanya.

Suhaidy berkata, sektor penternakan ikan air tawar yang diusahakan oleh SMaju Agro Venture itu mengikut saranan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.

Jelasnya, ia bagi memastikan spesies udang kara daripada luar negara itu mendapat pengawalan yang rapi.

"Saya memelihara udang kara jenis *Cherax Quadricarinatus* atau lebih dikenali *red claw*.

"Ternakan udang kara ini secara asasnya berasal dari Australia. Kami memelihara udang kara ini menggunakan konsep tangki yang merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan kerana ia bukan spesies tempatan.

"Ia membolehkan pengawalan penternakan udang kara berlaku dengan lebih baik," katanya.

PAM bantu Sharifah Zahidah

Pengarah Urusan Oursaf Sdn Bhd, Sharifah Zahidah Syed Nooh, 33, berkata, program-program yang disediakan oleh PAM membuka peluang kepada usahawan agropreneur muda seperti meluaskan *networking* sesama mereka.

Menurutnya, ia merupakan medium yang terbaik kerana mereka bukan sahaja boleh berkongsi pengalaman malah secara tidak langsung memberi kesempatan dalam menambah baik potensi perniagaan mereka.

"Apabila seseorang bertemu berjumpa dengan usahawan-usahawan yang lain ia membantu untuk menafikan nilai dalam diri dan mengembangkan pemikiran usahawan.

"Dalam bidang perniagaan, ia berkait dengan bagaimana kita mengembangkan keupayaan kita.

"Apabila kita berjumpa dengan usahawan-usahawan ini, kita dapat dengan pengalaman dari segi jatuh bangun mereka dalam perniagaan serta bertukar informasi berkenaan program-program tertentu. Jadi ia banyak membantu," katanya.

Sharifah Zahidah yang juga merupakan ibu kepada dua orang anak itu berkata, kursus-kursus yang disediakan jelas memberi manfaat bukan sahaja kepadanya malah kepada semua pengusaha agropreneur muda yang ingin mendalami ilmu perusahaannya dengan lebih mendalam.

Menurutnya, ilmu yang diperolehi itu dapat membantu agropreneur muda menyelamatkan perniagaan mereka daripada krisis negara masa kini seperti Covid-19, ekonomi merosot dan sebagainya.

Sharifah Zahidah yang lahir di Kedah menceburi bidang pemakanan secara aktif pada tahun 2020 dengan bermodal RM250,000.

Katanya, selain daripada penyediaan kursus, PAM turut meringankan bebannya dengan memberi sokongan dari segi penyediaan peralatan dan mempromosikan produknya.

"PAM banyak memberikan bantuan kepada usahawan seperti dalam mempromosikan produk menerusi program-program tertentu. Antara bentuk promosi yang dilaksanakan ialah membawa usahawan memperkenalkan produk mereka ke luar negara dan mendapatkan khidmat konsultasi daripada agensi-agensi tertentu.

"PAM memberikan saya oven tiga deck dan ia membantu dalam mengurangkan kos operasi kami kerana ia dapat membantu mengeluarkan lebih banyak

IKON

Nama: Ramana K Naidu
Umur: 31
Nama Syarikat: Famox Plantation M Sdn Bhd
Lokasi Syarikat: Merbok, Kedah
No. Tel: 0125882911
Facebook: Famox Agrotech
E-mel: famoxmalaysia@gmail.com
Website: www.famox.com.my

Nama: Nôrhshâm Kamisan
Umur: 37
Nama syarikat: Pewaris Bumi Hijau (M) Sdn Bhd
Lokasi syarikat: Telok Panglima Garang, Selangor
Nombor telefon: 03-31226280/017-7412321
E-mel: pewaris.office@gmail.com
Website/blog: www.feritigasihjau.blogspot.com

Nama: Suhaidy Shuib
Umur: 36
Nama Syarikat: SMaju Agro Venture
Lokasi Syarikat: Hulu Langat, Selangor
No. Tel: 0176824500
Facebook: SMaju Agro Venture
E-mel: smajuventure@gmail.com


Nama: Sharifah Zahidah Syed Nooh
Umur: 34
Asal: Kedah
Nama syarikat: Oursaf Sdn Bhd

GERAN AGROPRENEUR MUDA (GAM)

- Milikan bantuan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek perikanan.
- Peruntukan sebanyak RM15 juta dengan sasaran 750 orang agropreneur muda untuk dapatkan bantuan pada tahun 2021
- Dilancarkan sejak tahun 2016
- Sehingga kini sejumlah RM131.8 juta peruntukan telah memberi manfaat kepada 7,406 usahawan Agropreneur Muda
- Menjangkitkan kesan pengandaian bernilai RM89.4 juta melalui bantuan geran yang dibekalkan.

(piza) dalam waktu yang singkat," katanya.

Dalam pada itu, Sharifah Zahidah berkata, sehingga kini perusahaannya, Oursaf BBite menyediakan sebanyak lapan jenis menu piza.



Antara produk Pizza Bite yang ditawarkan kepada pelanggan.



Sharifah Zahidah di kilang pizanya iaitu Pizza Bite.

Jual ikan 20 sen seekor bantu ringan beban

Kuantan: Dalam masa kira-kira sejam, sebanyak 165 kilogram ikan selayang segar dijual hanya 20 sen seekor habis dibeli pada program jualan amal, di sini.

Program dikhususkan untuk golongan terkesan akibat pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Dapur Infaq Ummah.

Setiausahanya, Zahir Shah Zahid, berkata setiap wakil keluarga hanya boleh membeli satu kilogram dengan harga RM5.

"Sambutan begitu menggalakan, hanya dalam kira-kira satu jam, satu tong ikan selayang yang dibekalkan nelayan tempatan habis dijual.

"Ini kali pertama kami ada program jualan amal ikan segar bagi membantu meredakan beban golongan memerlukan yang terkesan bertukaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sudah agak lama

berlarian tahun ini," katanya, semalam.

Sebelum ini, katanya, Dapur Infaq Ummah mengadakan jualan amal 150 ayam segar dijual pada harga RM5 seekor.

"Kami bukan cari untung, hanya untuk membantu golongan memerlukan yang terkesan dengan pelaksanaan PKP," katanya yang turut membantu menjual ayam di Laman Kopi & Teh di Indera Mahkota, di sini.

Zahir Shah berkata, aktiviti jualan bermula pada jam 9.30 pagi, namun setengah jam sebelum itu sudah ramai yang datang untuk mendapatkan ikan.

"Selepas ini, kami akan memikirkan barang kepecahan apa lagi yang sesuai untuk dijual murah bagi membantu masyarakat, mungkin sayuran segar terus dari ladang. Sebelum ini Dapur Infaq Ummah turut memberi sumbangan keperluan asas kepada 100 individu miskin bandar



Zahir Shah (dua dari kiri) membantu menjual 165 kilogram ikan selayang segar pada program jualan amal (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Dapur Infaq Ummah di Indera Mahkota, Kuantan, semalam.

di daerah ini menerusi program dan malam kepada lebih 150 anggota komuniti Lorong Wong 'Foodbank'.

"Setiap hari kami turut menyediakan makan tengah hari dengan PKP," katanya mempe-

lawi semua pihak untuk memberi sumbangan bagi mengisi dana membantu golongan memerlukan.

Bertekad ubah landskap pertanian

Yong Norita komersialkan dolomite tangani masalah tanah kurang subur

Oleh Mahani Isahak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Imej feminin langsung tidak terbahkis dalam dirinya, biarpun bidang pekerjaannya memang difaktorkan dalam industri berat yang kebanyakan dimonopoli golongan lelaki.

Malah lebih membanggakan, syarikatnya adalah satu-satunya perusahaan Bumiputera yang terlibat dalam industri kuari bagi melombong dolomite, iaitu batu sedimen yang mempunyai pelbagai kegunaan.

Antaranya ia banyak digunakan bagi tujuan pembinaan, ka-

ca, simen, farmaseutikal namun masih kurang meluas dikomersialkan dalam pertanian, ternakan dan kolam ternakan.

Justeru, usahawan, Yong Norita Ahmad, 53, membawakan kebaikkan mineral daripada penghasilan batu kapur, sekali gus membantu petani menyuburkan hasil mereka.

Beliau yang mula berkecimpung industri dolomite hampir tujuh tahun lalu lebih terarah untuk menumpukan perusahaan mineral dolomite untuk kegunaan pertanian.

Katanya, daripada batuan itu, ia diproses menjadi serbuk atau sebatian untuk dijadikan baja atau perangsang (enhancer) medium pertanian.

"Jadi dolomite ini akan membantu meningkatkan nilai keasidanan (pH) tanah supaya seimbang (pH 5 hingga 8) yang hilang akibat penggunaan baja kimia, ekosistem tanaman rosak dan tanaman tidak lagi mengeluarkan hasil seperti sebelumnya.

"Sehingga kini, kami masih su-

kar untuk mengubah mentaliti petani konvensional yang sudah sekian lama menggunakan baja serta racun dari negara jiran yang dirasakan murah, tetapi tinggi kandungan kimia.

"Kesan daripada itu, daya pengeluaran merosot, tidak berkualiti berikutan enggan mengurus tadir tanah dengan kaedah sepatutnya," katanya.

Katanya, pada umumnya jika pH tanah kurang 6.5, ia akan mengakibatkan pembaziran baja misalnya pH tanah 4.5 kira-kira 71 peratus pembaziran baja berlaku atau jika pH 6.0, sebanyak 20 peratus penggunaan berlaku.

Beliau menyatakan dolomite di Perlis sudah diuji dan diperakui paling berkualiti dengan kandungan 20 hingga 30 peratus magnesium (Mg) dan antara 35 hingga 40 peratus kalsium (CaO).

Katanya, kecenderungan terhadap pertanian semakin mendalam apabila daun semakin menghijau, tumbuh pucuk baharu dan pokok tanaman yang dahulunya ibarat 'hidup segan mati tak ma-



Yong Norita ketika melawat lombong dolomite yang digunakan untuk tujuan pertanian.

hu' mula menunjukkan hasil.

"Tekad ini semakin besar untuk mengubah landskap pertanian supaya petaninya dapat hasil lumayan dengan pemuliharaan tanah serta menggunakan baja berkualiti.

"Saya sendiri terlibat secara serius dalam perusahaan dolomite apabila menguruskan ladang sendiri, saya perlu belajar menanam, menjaga, sehingga memerik hasil kelapa sawit.

"Tetapi saya berdepan masalah untuk mendapatkan hasil yang baik dan berganda. Lalu saya

mencari solusi sehingga menjumpai teknik memulihkan pokok," katanya.

Katanya, beliau menemui dolomite sebagai cara menyelesaikan masalah tanah yang kurang subur hingga ia mencetuskan pencarian dolomite hingga membawa ke Perlis," katanya.

Katanya, batu mineral itu sangat berkualiti dan mutunya setanding dengan dolomite dari luar negara berikutan kandungan magnesium yang tertinggi di Malaysia, iaitu hampir 22 peratus.

Murky outlook for rice farmers

By ILI AQILAH
iliaqilah@thestar.com.my

FOR more than 50 years, padi farmers in Bota, Perak Tengah, have been facing numerous challenges in rice production. The steep increase in the prices of padi seeds and pesticides, and ongoing issues with the irrigation system, are among the factors that have impacted their livelihood.

One of the farmers met by *StarMetro* is a 41-year-old who only wished to be known as Gandhi. He said he now spent at least RM9,000 on padi seeds alone.

"The seeds used to be handled by a private company and it was cheaper back then, but

after it was handed to the National Farmers Organisation, the price increased.

"From RM30 per kilogramme we now have to pay RM35, and I usually buy two tonnes," he said.

"We did voice out our frustrations but there have been no changes and we no longer make any profit but are merely surviving with what we earn."

Gandhi has been toiling on a 6.87ha padi field that he inherited from his father for 20 years.

"The planting and harvesting of the padi takes five to six months. The additional costs that I have to fork out are affecting my livelihood," he said, adding that he also spent about RM2,800 on pesticides.

Another padi farmer, who only gave his name as Ahmad, also complained about price hikes.

The 50-year-old said the price of pesticides had gone up over the past few years. "Pesticides used to cost only about RM45 but have increased to RM135.

"We deal with at least 10 types of pests including rice stem borers, caterpillars and leaf hoppers, so we have to spend a lot."

Ahmad also said he had forked out RM1,800 to purchase a water pump for his 2.48ha padi field.

"Our water source mainly comes from Sungai Perak but the old irrigation system that channels the river water to our field is problematic.

"Sometimes the water just doesn't flow well and on some days, we barely get any water at all.

"I had used my water pump but it didn't last long. I couldn't afford to buy higher quality water pumps.

"Although padi is now priced at RM1,200 per tonne, the additional costs are a setback for us," he said.

An officer from the state Drainage and Irrigation Department (JPS) used to visit them.


"They used to check on us, especially during droughts, to ensure we had enough water supply."

> TURN TO PAGE 3



PERAK

There should be a bigger buffer zone between oil palm plantations and Sungai Perak.



NGO: Sungai Perak not in good shape

> FROM PAGE 1

But, he added, it had been awhile since they last met any representative from the department.

Irrigation problems

Former Bota/Lambor Farmers' Association board director Yusairi Alias said the irrigation system was one of the most challenging issues for padi farmers.

"The bed of the irrigation system is made up of dirt and soil.

"When water is pumped from Sungai Perak, chances are it will seep into the ground, thereby causing low water supply.

"There are also two separate water pumps being used by about 100 padi farmers but these are not effective," he said.

Yusairi, who was Bota assemblyman from 2000 and 2004, said there was a suggestion to modernise the irrigation system.

"The idea was raised when Datuk Seri Najib Razak was the prime minister but nothing has materialised," he said, adding that the condition of Sungai Perak also needed to be checked from time to time.

"There has been an ongoing sand mining operation along the river for the past five to six years.

"The mining activity, and the drought has affected the water level and its quality," he said.

Yusairi is of the view that priority should be given to enhancing the irrigation system.

"I was told that padi farmers in Langkap, near Teluk Intan, are able to produce high quality padi because they have a modern irrigation system," he said.

Rehabilitating the river

Concurring with Yusairi, Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) association president Hafizudin Nasarudin said Sungai Perak was not in good shape.

The environmental non-governmental organisation has found that the river has widened from about



Water pumps are not as effective because of the high amount of sand and silt in the river.



Ahmad says the price of pesticide has become prohibitive.



Yusairi: The irrigation system needs to be modernised.



Hafizudin: Oil palm trees are being grown at the river reserve.



Gandhi has to spend at least RM9,000 on padi seeds alone.

50m to between 80 and 200m due to erosion on the riverbank.

"When this happens, the water becomes murky as soil falls into the river.

"This will affect the water pump as the sand and soil could get stuck it. This could also be the reason why some padi farmers are complaining about low water supply to their fields."

Hafizudin said questionable farming practices along the river were another concern.

"From our observation, oil palm trees can be seen on the river reserves.

"There should be a buffer zone of 10 to 50 metres from the river," he said, adding that water from the river also flows to a water treatment plant at Teluk Kepayang.

"We have even seen oil palm

trees in the middle of Sungai Perak," he added.

Hafizudin said the state government should hold a meeting with all relevant stakeholders, including NGOs and farmers.

"We need to stop activities along Sungai Perak and protect water catchment areas at the Piah and Temenggong forest reserves.

"They need to stop massive developments at Gerik, Lenggong and Kuala Kangsar as these could affect the river," he added.

Disruption in supply chain

When contacted, Perak Agriculture, Plantation and Food Industry committee chairman Razman Zakaria said the increase in pesticide prices was due to several reasons.

"According to the Perak Farmers Organisation Authority, there was a hike of between 30% and 50% for both pesticide and fertiliser due to the movement control order in states that produce these products.

"Despite increasing demand, many factories were not able to produce enough supplies as they had to reduce up to 50% of their workforce," he explained.

As for the price increase in padi seeds, Razman said farmers had the option to purchase the seeds from appointed agents or other distributors.

"Since July 12, the Agriculture and Food Industries Ministry has set the price at RM35 per kg.

"However, the ministry did not set a fixed price for agents.

"Based on the information we received, there are different prices being offered of between RM33 and RM35 per bag," he said.

About 4,500 bags of padi seeds that cover nearly 1,947ha of padi fields in the area have been sold.

Razman also said that a discussion between all relevant agencies would be held over the irrigation system.

"The issue has been brought up with the state Agriculture Department. If need be, we will go down to the ground to visit the farmers to understand their problems further," he added.